



MEDIA RELEASE

***FOR IMMEDIATE RELEASE**

YB KHAIRY JAMALUDDIN MENTERI PERTAMA DIJEMPUT KE SESI UP CLOSE AND PERSONAL WITH THE MINISTER, ANJURAN RAZAK SCHOOL OF GOVERNMENT (RSOG)

Putrajaya, 30 April 2015 – Sesi Up Close and Personal with the Minister yang julung kali diadakan oleh Razak School of Government (RSOG), menyaksikan kehadiran YB Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan berkongsi pandangan serta kepimpinan, visi, amalan terbaik serta harapan seorang Menteri kepada kepimpinan sektor awam, terutama kepada golongan pelapis.

Sesi pada hari ini dihadiri hampir 100 orang pegawai yang terdiri daripada pengurusan tertinggi Kementerian/Agensi, dan juga pegawai-pegawai daripada Jawatankuasa PTD Muda, Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD).

Sesi yang berlangsung hampir tiga jam itu, YB Khairy Jamaluddin telah menyampaikan ucapan yang bertajuk **“Meremajakan Perkhidmatan Awam”**. Topik ini yang sememangnya amat dekat dengan YB Menteri, menekankan beberapa cabaran yang perlu dihadapi dalam usaha kerajaan melakukan agenda transformasi nasional. Komitmen yang tidak berbelah bagi daripada keseluruhan penjawat awam amat diperlukan bagi menjayakan proses meremajakan perkhidmatan awam di negara ini.

Justeru itu, RSOG telah mengambil inisiatif dengan membangunkan Model Kerangka Kepimpinan yang amat signifikan bagi menyediakan latihan dan pembangunan kepimpinan peneraju sektor awam bagi menyokong pembangunan kerjaya penjawat awam. RSOG menyediakan platform untuk pelapis kepimpinan sektor awam berinteraksi secara terus dengan kumpulan pemimpin muda pentadbir negara.

Siri ini adalah permulaan kepada beberapa lagi siri Up Close and Personal dan dialog kepimpinan yang akan dianjurkan oleh RSOG.

Sesi yang berlangsung dengan santai dan lancar diakhiri dengan sesi Soal Jawab bersama YB Menteri. Pelbagai soalan merangkumi pelbagai aspek telah diajukan kepada YB Menteri.

-END-

About RSOG

The Razak School of Government (RSOG) is a unique educational and training institution, built upon the courage to lead in personal and professional development. Formed at the heart of the public service sector engine of the Malaysian's Government Transformation Programme (GTP), RSOG aspires to be the leading centre in leadership development, research and knowledge sharing platform for the public sector. RSOG is mandated to groom the future public sector leaders across all service sectors in Malaysia. Founded in 2010, RSOG primary focus is to transform public sector leadership in striving for excellence and to be a point of reference and a leading authority on public sector leadership and policy. Its deliverables include customised knowledge skills development programmes for public sector leaders and the publication of refereed journals and other publications. Above all, RSOG provides an important 'platform' for dialogue, knowledge sharing and synergistic collaboration.

Contact

Hazliza Abu Hasan

Public Relations and Corporate Communications Unit

Razak School of Government (RSOG)

03-8888 4797 ext.815 / 012 292 1002

hazliza@rsog.com.my